

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN MARIA CHIN ABDULLAH
(PETALING JAYA)**

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah untuk merehabilitasikan soft supporter gerakan pengganas yang kini ditahan di bawah SOSMA, POCA atau POTA dan adakah Kerajaan akan menguar-uarkan bahawa memuat turun bendera atau gambar DAESH boleh menyebabkan seseorang itu ditahan oleh polis.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Semua tahanan yang terbabit dengan kegiatan keganasan ini perlu menjalani program deradikalisa^si atau proses pemulihan khusus yang melibatkan kerjasama pelbagai agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri seperti PDRM, Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Program pemulihan ini dilaksanakan secara sistematis menggunakan Modul Deradikalisa^si Bersepadu yang merangkumi aspek keagamaan, kewarganegaraan, psikologi, kekeluargaan dan nilai-nilai murni.

Bagi memastikan program deradikalisa^si yang dijalankan ini sentiasa berkesan dan relevan, modul deradikalisa^si sentiasa dikaji dan ditambah baik dari semasa ke semasa dengan penglibatan pakar-pakar deradikalisa^si dalam pelbagai bidang. Selain program pemulihan yang dilaksanakan di dalam pusat tahanan, PDRM turut memantau kegiatan bekas pengganas yang dikenakan perintah sekatan atau yang telah dibebaskan. Pemantauan ini dibuat bagi memastikan bekas pengganas ini bebas sepenuhnya daripada sebarang ideologi pengganas supaya mereka tidak terlibat kembali dengan aktiviti keganasan.

Berkenaan soalan yang kedua, adalah menjadi kesalahan bagi mana-mana individu untuk memiliki item-item yang berkaitan dengan kumpulan pengganas termasuk bendera dan gambar kumpulan tersebut. Kesalahan ini diperuntukkan di bawah Seksyen 130JB (1) (a) Kanun Keseksaan. Hebahan mengenai kesalahan ini sering kali dibuat pihak polis khususnya menerusi media sosial serta program-program penerangan yang diadakan dari semasa ke semasa.